

# Jurnal Pengguna Malaysia Malaysian Journal of Consumer



Jilid 19

Dis 2012

ISSN 1511 - 998x

Perbelanjaan dan Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi Rumah Dalam Kalangan Penerima Bantuan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam

Siti Marhana Abd Razak  
Norhasmah Sulaiman

Factors Influencing Consumers In Choosing Natural Cosmetics Products

Ainunnazlee Mohd Ali  
Aini Mat Said

Gelagat Dan Persepsi Pengguna Terhadap Kedai Mamak: Kajian Kes Di Selangor

Wook Endut  
Mhd. Suhaimi Ahmad  
Norain Mod Asri

Consumers' Perceptions On The Service Quality In The Life Insurance Company

Norazah Mohd Suki  
Nursyafiqah Abdul Majid

Factors Influencing Consumer Dissatisfaction In The Service Industry: A Review

Mohammad Zaim Mohd Salleh  
Aini Mat Said

Penerimaan Pelajar Sebagai Pengguna Terhadap E-Pembelajaran Dalam Pendidikan Secara Jarak Jauh

Fatimah Hassan  
Hasmawati Hassan

Masakan Tradisional dan Komposisi Nutrien Ikan Air Tawar Di Homestay Kg Batu Ring, Beng. Lenggong, Perak ; Untuk Pembangunan dan Kesejahteraan Pelancongan Lestari

Farhana C.D  
Norsuhana Abdul Hamid  
Norfarizan Hanooon N.A

User Satisfaction With Sulh (Mediation) In The Selangor Syariah Judicial Department

Sa'adah Ahmad

Jurnal Pengguna Malaysia

Jilid 19, Dis 2012

Jurnal  
Pengguna Malaysia





### PENYUMBANG ARTIKEL

Aini Mat Said Aimunnazlee Mohd Ali Fathana C.D Fatimah Hassan Hasmawati Hassan Mhd. Suhaimi Ahmad Mohammad Zaim Mohd Salleh Norain Mod Asri Norazah Mohd Suki Norfarizan Hanoon N.A Norhasmah Sulaiman Norsuhana Abdul Hamid Nursyafiqah Abdul Majid Sa'odah Ahmad Siti Marhana Abdul Razak Wook Endut	<i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i> <i>Universiti Teknologi MARA</i> <i>Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia</i> <i>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia</i> <i>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia</i> <i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia</i> <i>Universiti Teknologi MARA</i> <i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia</i> <i>Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah</i> <i>Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia</i> <i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i> <i>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia</i> <i>Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah</i> <i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i> <i>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</i> <i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Perbelanjaan dan Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Isi Rumah dalam Kalangan Penerima Bantuan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam <i>Siti Marhana Abd Razak dan Norhasmah Sulaiman</i>	1
Factors Influencing Consumers In Choosing Natural Cosmetics Products <i>Aimunnazlee Mohd Ali dan Aini Mat Said</i>	17		
Gelegat Dan Persepsi Pengguna Terhadap Kedai Mamak: Kajian Kes Di Selangor <i>Wook Endut, Mhd. Suhaimi Ahmad dan Norain Mod Asri</i>	35		
Consumers' Perceptions On The Service Quality In The Life Insurance Company <i>Norazah Mohd Suki dan Nursyafiqah Abdul Majid</i>	57		
Factors Influencing Consumer Dissatisfaction In The Service Industry: A Review <i>Mohammad Zaim Mohd Salleh dan Aini Mat Said</i>	69		
Penerimaan Pelajar Sebagai Pengguna Terhadap E-Pembelajaran Dalam Pendidikan Secara Jarak Jauh <i>Fatimah Hassan dan Hasmawati Hassan</i>	86		
Masakan Tradisional dan Komposisi Nutrien Ikan Air Tawar Di Homestay Kg Batu Ring, Beng, Lenggong, Perak ; Untuk Pembangunan dan Kesejahteraan Pelancongan Lestari <i>Farhana C.D, Norsuhana Abdul Hamid dan Norfarizan Hanoon N.A</i>	104		
User Satisfaction With Sulh (Mediation) In The Selangor Syariah Judicial Department <i>Sa'odah Ahmad</i>	125		

# PERBELANJAAN DAN TIADA JAMINAN KEDAPATAN MAKANAN ISI RUMAH DALAM KALANGAN PENERIMA BANTUAN PUSAT URUS ZAKAT PULAU PINANG, BUKIT MERTAJAM

Siti Marhana Abd Razak<sup>1</sup>  
Norhasmah Sulaiman<sup>1,2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan Sumber Dan Pengajian Pengguna,  
Fakulti Ekologi Manusia, UPM

<sup>2</sup> Pusat Kecemerlangan Kajian Penggunaan Lestari (*SCoRE*),  
Fakulti Ekologi Manusia, UPM

## Pengenalan

Tiada jaminan kedapatan makanan berlaku dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah sam ada yang tinggal di luar bandar mahupun bandar. Kenaikan harga minyak telah menyebabkan kos sara hidup meningkat, dan golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah yang paling merasa tempiasnya. Peningkatan harga makanan akan mengakibatkan kurangnya kepelbagaian makanan dan kuantiti makanan, terutama dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (*Action Against Hunger*, 2008). Institut Penyelidikan Polisi Makanan (2008), melaporkan bahawa peningkatan harga makanan memberi kesan kepada golongan miskin dan isi rumah yang mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan. Kebanyakan isi rumah di negara membangun membelanjakan 50% hingga 60% atau kesemua pendapatan untuk membeli makanan (Institut Penyelidikan Polisi Makanan, 2008). Edward, Nusrat, Eva-Charlotte, dan Ruchira (2003) menyatakan tiada jaminan kedapatan makanan berkait rapat dengan ekonomi dan sumber sosial, pendapatan atau jumlah perbelanjaan. Pendapatan adalah salah satu daripada indikator paling penting terhadap tiada jaminan kedapatan makanan dan kelaparan (Donald, 1999).

Tiada jaminan kedapatan makanan berlaku apabila seseorang itu tidak memperoleh nutrien yang mencukupi, makanan yang tidak selamat untuk dimakan atau tidak berkemampuan untuk mendapatkan makanan seimbang (Campbell, 1991). Elizaberth, Laurence, dan Gilberto (2003) mendefinisikan tiada jaminan kedapatan makanan sebagai penyediaan makanan yang

berkhasiat yang terhad, tidak mencukupi, tidak selamat, pola pemakanan tidak seimbang yang menyumbang kepada peningkatan risiko menghadapi obesiti dan masalah kesihatan. Faktor seperti pendapatan isi rumah yang rendah, kesediadapatan keperluan dapur berkualiti yang terhad dan peningkatan harga makanan menyumbang kepada tiada jaminan kedapatan makanan (Janice, Patrick, Kitty, Jeffrey, James, Pippa, Carol, dan Margaret, 2004). Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada risiko tiada jaminan kedapatan makanan termasuklah wang, masa, maklumat dan tahap kesihatan yang menghadkan isi rumah untuk memperoleh makanan (Norhasmah, Zalilah, Mohd Nasir, Minarlini, dan Asnarulkhadi 2009).

## **Kajian literatur**

Masoumeh (2007), mendapati 85.2% masalah tiada jaminan kedapatan makanan berlaku dalam kalangan wanita India di estet kelapa sawit terpilih di Negeri Sembilan. Hasil kajiannya juga menunjukkan bahawa tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan wanita India ini mempunyai perkaitan dengan status kesihatan dan pemakanan yang kurang baik. Zalilah dan Ang (2001) pula melaporkan kira-kira 67.7% isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur mengalami tiada jaminan kedapatan makanan. Pada pertengahan bulan, isi rumah berpendapatan rendah yang tinggal di bandar terpaksa mengikat perut kerana tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk menampung keluarga yang ramai. Terdapat isi rumah yang terpaksa berhutang untuk membeli keperluan dan menimbulkan gangguan emosi hingga menjadikan kehidupan isi rumah semakin tertekan disebabkan kenaikan sara hidup (Rusinah, 2008).

Tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dikaitkan dengan pengambilan diet kualiti yang rendah dalam kalangan orang dewasa, khususnya pengambilan yang rendah terhadap produk tenusu, buah-buahan, sayur-sayuran dan daging (Tarasuk, 2001). Kirang dan Edward (2007) pula melaporkan bahawa kekurangan makanan yang berpanjangan boleh menyebabkan individu mengambil makan secara berlebihan apabila terdapat jaminan makanan, seterusnya meningkatkan peratus lemak dalam badan. Sumber ekonomi yang terhad akan menggalakkan individu membeli makanan yang tidak selamat, murah dan tinggi kandungan tenaga yang dapat meningkatkan berat badan. Kekurangan dan kelebihan pengambilan beberapa nutrien boleh mengakibatkan kesan negatif ke atas kesihatan seperti osteoporosis dan obesiti (Mohamad, Suzana, Ibrahim, dan Norshafarina, 2010). Kajian terhadap individu yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah mempunyai perkaitan dengan penyakit kardiovaskular, diabetes, tekanan darah tinggi dan alahan makanan (Tarasuk, 2001). Sementara, menurut Hilary, Barbara, dan Margot (2010), tiada jaminan

kedapatan makanan mempunyai perkaitan antara tekanan darah tinggi dan kencing manis. Di samping itu, kanak-kanak daripada isi rumah yang mengalami tiada jaminan kedapatan makanan berisiko untuk mengalami masalah kesihatan yang serius, masalah akademik dan psikologi (Katherine, Christine, dan Edward, 2001).

Dalam usaha mengatasi masalah tiada jaminan kedapatan makanan yang berlaku, isi rumah berpendapatan rendah mengambil beberapa strategi daya tindak, seperti mengurangkan perbelanjaan keluarga (Rusinah, 2008), berhutang untuk membeli makanan, mengurangkan pengambilan makanan atau saiz makanan, di samping melakukan kerja sampingan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah (Norhasmah *et al.*, 2009), kurang berbelanja, mengurangkan perbelanjaan barangan yang mahal dan menyerahkan anak kepada pihak ketiga bagi mengatasi masalah tiada jaminan kedapatan makanan (Norhasmah, Zalilah, Mohd Nasir, dan Asnarukhadi, 2008). Di Indonesia, strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan dikategorikan kepada lima iaitu, perilaku pembelian pakaian, mengurangkan belanja sekolah anak-anak, penangguhan bayaran bil, menyesuaikan diri dengan gaya hidup, dan meningkatkan pendapatan tambahan isi rumah (Mardiharini, 2005).

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kalangan penerima bantuan Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang, Bukit Mertajam. Secara khususnya, kajian ini turut bertujuan untuk mengetahui latar belakang responden, menentukan perbelanjaan keperluan utama bulanan isi rumah, mengenal pasti tahap tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan isi rumah dan mengenal pasti strategi daya tindak terhadap tiada jaminan makanan dalam kalangan isi rumah.

## **Metodologi**

### **Lokasi kajian dan kaedah persampelan**

Kajian ini dijalankan di Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang (PUZ) Disember 2010 hingga 24 Disember 2010. Seramai 80 responden terlibat dalam kajian ini. Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*) digunakan untuk pemilihan sampel. Responden merupakan penerima bantuan yang datang ke Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang untuk mengambil bantuan kewangan, pakaian atau mendapat khimat nasihat.

## Pengumpulan data dan analisis

Pengumpulan data dilakukan dengan menemu bual responden secara bersemuka menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik mengandungi beberapa bahagian, iaitu latar belakang responden, perbelanjaan isi rumah, status jaminan kedapatan makanan dan strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah. Data dianalisa dengan menggunakan *Statistical Package of The Social Science For Windows (SPSS)*. Statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan data dan menerangkan dapatan kajian.

## Hasil kajian

### Latar belakang responden

Seramai 80 orang responden terlibat dalam kajian ini yang melibatkan 78.7% responden perempuan dan 21.3%. Seramai 27.5% responden mempunyai 1 hingga 2 orang anak yang sedang bersekolah. Sementara 30.0% responden lagi memiliki anak seramai 3 hingga 4 orang yang masih bersekolah. Daripada pemerhatian pengkaji, kebanyakan responden mempunyai anak yang sedang belajar, sama ada di Sekolah Rendah atau di institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

Mengenai tahap pendidikan, terdapat masing-masing 31.2% responden yang bersekolah sehingga Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun, terdapat juga responden yang hanya bersekolah sehingga darjah 6 (20.0%). Sementara, seramai 12.5% responden tidak bersekolah ekoran keluarga responden yang tidak mampu menampung perbelanjaan persekolahan sehingga menyebabkan responden tidak berkesempatan bersekolah.

Jumlah pendapatan responden telah dikategorikan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2007). Jumlah keseluruhan pendapatan isi rumah responden yang berada di bawah RM430 ialah 22.5%. Responden ini merupakan responden yang berada dalam kategori miskin tegar kerana pendapatan berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan. Isi rumah yang berpendapatan RM430 hingga RM720 ialah sebanyak 52.5% yang dikategorikan sebagai miskin (Unit Perancang Ekonomi, 2007). Seterusnya responden yang berpendapatan melebihi RM720 ialah sebanyak 25.0%. Sesebuah isi rumah dianggap miskin apabila pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada nilai PGK ( $\leq$ RM720), seperti mana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia ke-10. Hal ini bermakna isi rumah tersebut

mengalami kekurangan sumber kewangan bagi memenuhi keperluan asas untuk setiap ahli keluarganya. Sementara, Isi rumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK makanan, khususnya keperluan asas terhadap makanan. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar iaitu 52.5% responden yang menerima bantuan daripada Pusat Zakat tergolong di dalam kategori golongan miskin.

**Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden**

<b>Perkara</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	17	21.3
Perempuan	63	78.7
<b>Bilangan Anak (orang)</b>		
0	28	35.0
1-4	31	38.8
≥5	21	26.2
Purata ± SP	2.5±2.3	
Min-Mak	0-9	
<b>Bilangan Anak yang Bersekolah (orang)</b>		
1-2	22	27.5
3-4	24	30.0
5-6	5	6.2
Purata ± SP	1.83±1.7	
Min-Mak	0-6	
<b>Tahap Pendidikan Responden (tahun)</b>		
Tidak pernah bersekolah	10	12.6
Darjah 6	20	25.0
PMR	25	31.2
SPM	25	31.2
<b>Jumlah Pendapatan Isi rumah (RM)*</b>		
<430	18	22.5
430-720	42	52.5
≥720	20	25.0
Purata ±SP	823.0±421.2	
Min-Mak	100-2200	

\* Berdasarkan PEK (UPE, 2007)

## Perbelanjaan keperluan utama bulanan isi rumah

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2006), perbelanjaan penggunaan isi rumah bermaksud segala-gala perbelanjaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh isi rumah untuk kegunaan persendirian. Perbelanjaan dikelaskan kepada beberapa kumpulan umum mengikut fungsi barang dan perkhidmatan yang biasa digunakan oleh orang awam dalam

kehidupan harian. Kumpulan tersebut ialah makanan dan minuman, perkakas dan keperluan rumah, sewa rumah, bil utiliti, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Jadual 2 menunjukkan perbelanjaan keperluan utama isi rumah responden.

Makanan dan minuman merupakan keperluan asas yang diperlukan bagi meneruskan kehidupan. Seramai 91.2% responden membuat perbelanjaan makanan dan minuman kurang daripada RM407. Hal ini bermaksud bahawa hampir kesemua responden (91.2%) membelanjakan pendapatan isi rumah untuk membeli makanan dan minuman kurang daripada purata perbelanjaan makanan dan minuman isi rumah penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006). Kewangan isi rumah yang terhad menyumbang kepada perbelanjaan ke atas keperluan makanan dan minuman juga terbatas.

Seramai 45.0% responden membuat perbelanjaan ke atas perkakas dan keperluan rumah kurang daripada RM97. Sementara, hampir separuh daripada responden (41.3%) menyatakan mereka tidak membelanjakan wang untuk membeli perkakas dan keperluan rumah kerana telah mendapat bantuan zakat dan sumbangan orang kampung. Kira-kira 61.2 % responden tidak membelanjakan pendapatan isi rumah untuk sewa rumah kerana sudah mempunyai kediaman sendiri atau tinggal di rumah ibu bapa. Walau bagaimanapun, terdapat 38.8% responden yang membelanjakan tidak melebihi RM300 untuk rumah sewa. Hal ini disebabkan sebahagian responden tinggal di rumah sewa di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan hanya membayar sewa bulanan sebanyak RM100. Biasanya perbelanjaan utiliti yang dibelanjakan oleh sesebuah isi rumah adalah seperti bil air, elektrik, telefon dan bahan api. Majoriti responden (76.2%) perlu membayar kurang daripada RM222 sebulan.

Pengangkutan dikira sebagai keperluan utama kerana ia memudahkan responden bergerak, terutamanya untuk ke tempat kerja. Lebih daripada separuh (52.5%) responden membelanjakan wang untuk pengangkutan yang kurang daripada RM372. Sebahagian besar responden menggunakan motorsikal dan bas sebagai pengangkutan utama. Perbelanjaan minimum yang dibelanjakan untuk pengangkutan berjumlah RM1 manakala perbelanjaan maksimum ialah sebanyak RM180, iaitu yang dibelanjakan dalam tempoh masa sebulan.

Bagi perbelanjaan perubatan dan kesihatan, kira-kira 36.2% responden yang berbelanja kurang daripada RM33 sebulan. Responden lebih gemar mendapat perkhidmatan di hospital kerajaan yang hanya mengenakan bayaran perkhidmatan RM1 dan membeli ubat di farmasi-farmasi.

**Jadual 2: Perbelanjaan Keperluan Utama Bulanan Isi Rumah**

<b>Perkara</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Makanan dan Minuman (RM)*</b>		
<407	73	91.2
≥407	7	8.8
Purata±SP	243.4±134.2	
Min-Mak	200-600	
<b>Perkakas dan keperluan rumah(RM)*</b>		
Tiada	33	41.3
<97	36	45.0
≥97	11	13.8
Purata±SP	59.2±51.6	
Min-Mak	0-47	
<b>Sewa rumah (RM)*</b>		
Tiada	49	61.2
<300	31	38.8
≥300	0	0
Purata±SP	133.0±67.9	
Min-Mak	45-280	
<b>Bil air, elektrik, telefon, bahan api (RM)</b>		
Tiada	19	23.8
<222	61	76.2
≥222	0	0
Purata±SP	58.3±31.5	
Min-Mak	10-20	
<b>Pengangkutan awam dan sendiri (RM)*</b>		
Tiada	38	47.5
<372	42	52.5
≥372	0	0
Purata±SP	45.3±41.4	
Min-Mak	1-180	
<b>Perubatan dan kesihatan (RM)*</b>		
Tiada	34	42.5
<33	29	36.2
≥33	17	21.2
Purata±SP	59.3±110.3	
Min-Mak	1-600	

**Jadual 2 (sambungan)**

<b>Perkara</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Pendidikan anak (yuran, duit belanja) (RM)*</b>		
Tiada	47	58.8
<49	2	2.5
≥49	31	38.8
Purata±SP	220.5±112.9	
Min-Mak	20-40	

\* Purata perbelanjaan setiap kumpulan barangan dan perkhidmatan dalam Laporan Perbelanjaan Isi rumah Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006)  
SP = Sisihan Piawai

Pada pandangan responden, kadar bayaran ubat-ubatan di famasi lebih murah jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang diterima daripada klinik persendirian. Walau bagaimanapun, seramai 42.5% responden tidak mengeluarkan apa-apa perbelanjaan perubatan dan kesihatan dalam tempoh sebulan.

Lebih separuh daripada responden (58.8%) menyatakan tidak memberikan duit belanja sekolah kepada anak-anak kerana mereka telah mengikuti Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah. Hanya 38.8% responden yang membelanjakan pendapatan isi rumah untuk pendidikan yang melebihi RM49 sebulan kerana perbelanjaan tersebut meliputi perbelanjaan pengangkutan bas awam untuk ke sekolah.

### **Tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah**

Tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah berlaku apabila sesebuah keluarga tidak berkeupayaan untuk mendapatkan makanan yang berasaskan kepada kualiti, kuantiti, keselamatan dan budaya yang diterima (Norhasmah, Zalilah, Mohd Nasir, Kandiah, dan Asnarulkhadi 2010). Jadual 3 menunjukkan tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kalangan responden. Tahap tiada jaminan kedapatan makanan responden diukur dengan menggunakan pengukuran oleh Radimer (1990). Pengukuran ini mempunyai dua tahap tiada jaminan kedapatan makanan, iaitu tahap jaminan kedapatan makanan dan tahap tiada jaminan kedapatan makanan. Tahap tiada jaminan kedapatan makanan pula mempunyai tiga kategori isi rumah, individu dan kanak-kanak. Ia diukur berdasarkan kekerapan (tidak pernah terjadi, kadang-kadang pernah terjadi dan selalu terjadi) mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan asama ada diperingkat isi rumah, individu ataupun kanak-kanak.

Kajian mendapati kesemua (100.0%) responden mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan. Seramai 5.0% responden berada dalam kategori tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah diikuti dengan 30.0% responden mengalami tiada jaminan kedapatan makanan individu. Sementara, 65.0% responden mengalami tahap kebuluran kanak-kanak. Tahap kebuluran kanak-kanak dianggap yang paling serius berdasarkan skala Radimer, (1990).

Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah adalah lebih serius (100%) berbanding dengan kajian oleh Zalilah dan Ang (2001), yang melaporkan 65.7% mengalami tiada jaminan kedapatan makanan di Kuala Lumpur. Kajian oleh Masoumeh (2007) pula menunjukkan bahawa 85.2% respondennya mengalami tiada jaminan kedapatan makanan dalam kalangan wanita India dari estet kelapa sawit yang terpilih di Negeri Sembilan. Perbezaan peratusan ini berpunca daripada sampel kajian yang berbeza bagi setiap kajian yang dilaporkan. Perbezaan peratus ini berpunca daripada sampel kajian yang berbeza bagi setiap kajian yang dilaporkan. Peratus tiada jaminan kedapatan makanan yang amat serius dalam kajian ini kerana majoriti responden (75.0%) berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan yang melayakkan mereka untuk mendapat bantuan daripada Pusat Urus Zakat.

**Jadual 3: Tahap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Responden**

<b>Kategori Tahap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan*</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Tahap Jaminan Kedapatan Makanan</b>	0	0
<b>Tahap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan</b>		
• Tahap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan isi rumah	4	5.0
• Tahap Tiada Jaminan Kedapatan Makanan individu	24	30.0
• Tahap Kebuluran anak-anak	52	65.0

Kesimpulannya, penduduk negara ini tidak terlepas daripada masalah tiada jaminan kedapatan makanan sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini ialah pendapatan yang diperoleh tidak cukup untuk menampung keperluan hidup yang semakin meningkat.

### **Strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah berkaitan makanan**

Jadual 4 menunjukkan strategi daya tindak yang dilakukan oleh responden bagi mengelakkan keadaan tiada jaminan kedapatan makanan. Antara strategi yang mendapat peratusan tertinggi adalah dengan mengguna atau mengambil

makanan yang murah (97.5%). Seramai 93.8% responden memperuntukkan duit untuk membeli makanan asas (contoh: beras, tepung) dan makanan kurang digemari untuk mengawal perbelanjaan. Sebanyak 88.8% responden terpaksa melaksanakan strategi daya tindak dengan mengurangkan bilangan hidangan makanan dalam sehari atau mengecilkan saiz makanan. Sementara, seramai 85.0% responden pula mengurangkan bilangan kekerapan makan dalam sehari.

**Jadual 4: Strategi Daya Tindak Berkaitan Makanan**

<b>Strategi Daya Tindak</b>	<b>n</b>	<b>(%)</b>
Menggunakan/mengambil makanan yang murah.	78	(97.5)
Memperuntukkan duit untuk membeli makanan asas dan makanan kurang digemari kerana murah.	75	(93.8)
Mengecilkan bahagian saiz makanan atau bilangan hidangan dalam satu sajian.	71	(88.8)
Mengurangkan kekerapan makan dalam sehari.	68	(85.0)
Menggunakan/mengambil makanan yang kurang digemari.	66	(82.5)
Keutamaan memberi anak-anak makan terlebih dahulu dan sekiranya terdapat makanan lebih akan diberi kepada ahli keluarga yang lain.	52	(65.0)
Tidak makan sepanjang hari.	52	(65.0)
Menerima bantuan makanan daripada agensi/jiran/adik-beradik/individu/majikan.	49	(61.2)
Memakan apa juga bahan makanan yang diperolehi dari sekeliling rumah.	42	(52.5)
Meminjam duit untuk membeli makanan daripada majikan/ kawan/jiran/adik-beradik.	35	(43.8)
Membeli bahan makanan secara berhutang.	26	(32.5)
Menghantar anak-anak makan ke rumah ibu bapa/adik-beradik/jiran.	19	(23.8)

Kira-kira 82.5% responden yang mengambil makanan yang kurang digemari sebagai strategi mengatasi tiada jaminan kedapatan makanan. Walaupun makanan tersebut kurang digemari oleh responden ia terpaksa dimakan sebagai santapan bagi menyangkan perut apabila kelaparan memandangkan harga lebih murah (contoh, bubur nasi, nasi lauk ikan kering atau kicap sahaja). Terdapat 61.2% responden yang mengutamakan anak-anak makan dahulu demi menjaga kepentingan anak-anak. Responden

sanggup berlajar demi anak-anak asalkan mereka dapat makan dengan kenyang atau mengisi perut.

Lebih daripada separuh responden (65.0%) yang tidak makan sepanjang hari sebagai strategi tiada jaminan kedapatan makanan berkaitan makanan. Keadaan ini biasanya berlaku sekali hingga tiga kali dalam tempoh sebulan. Keadaan ini berlaku disebabkan tiada wang untuk membeli makanan, peruntukan kewangan untuk membeli keperluan asas telah kehabisan atau barangan dapur yang dibeli sebelum ini telah kehabisan. Semua keadaan ini dan ini memaksa responden untuk tidak makan sepanjang hari atau berpuasa.

Seramai 61.2% responden turut menerima bantuan makanan daripada agensi, jiran, adik-beradik, individu dan majikan. Kajian ini mendapati bahawa seramai 12.5% responden menerima bantuan makanan daripada agensi Pusat Urus Zakat. Manakala 48.7% responden lagi menerima bantuan makanan daripada jiran, adik-beradik, individu dan majikan. Bentuk makanan yang diberikan adalah dalam bungkusan seperti Milo, beras, biskut, tepung dan minyak. Barangan ini dapat membantu responden untuk menyediakan hidangan makanan untuk isi rumah di samping dapat mengurangkan perbelanjaan bulanan.

Seramai 52.2% responden melaporkan bahawa mereka memperoleh bahan mentah untuk hidangan keluarga daripada persekitaran berhampiran rumah. Responden menanam sendiri sayur-sayuran, ulam-ulaman seperti seperti kangkung, bayam dan cili. Seramai 61.2% responden telah meminjam wang daripada majikan, kawan, jiran dan adik-beradik untuk membeli makanan akibat ketidakcukupan pendapatan hingga menyebabkan berlakunya masalah kewangan dalam kalangan responden. Terdapat responden yang berhutang ketika membeli barang makanan basah mahupun kering dengan peniaga (32.5%). Keadaan ini menggambarkan responden sukar untuk memperoleh makanan akibat pendapatan yang terhad dan kenaikan harga bahan makanan. Biasanya responden akan membayar hutang tersebut secara ansuran sekiranya ada sedikit lebihan pendapatan isi rumah.

Selain itu, strategi daya tindak berkaitan makanan yang dilakukan oleh responden ialah menghantar anak makan ke rumah ibu bapa, adik-beradik dan jiran (23.8%). Responden mengambil strategi ini sebagai langkah terakhir sekiranya keadaan tiada jaminan kedapatan makanan di tahap yang serius. Kebiasaannya, responden akan menghantar anak-anak makan ke rumah ibu bapa dahulu sebelum menghantar ke rumah adik-beradik atau jiran. Hal ini kerana ibu bapa responden lebih prihatin dengan fenomena yang terjadi kepada responden ketika menghadapi masalah kewangan.

## Strategi daya tindak terhadap tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah berkaitan bukan makanan

Jadual 5 menunjukkan strategi daya tindak berkaitan bukan makanan yang diambil oleh responden bagi menghalang berlakunya tiada jaminan kedapatan berkaitan bukan makanan isi rumah. Seramai 95.0% responden mengakui mereka sentiasa berjimat cermat menggunakan duit dan merancang perbelanjaan sebelum atau semasa membuat pembelian barangan. Pendapatan yang diperoleh oleh responden adalah rendah dan ini memaksa responden untuk berjimat cermat dalam membuat sebarang perbelanjaan.

**Jadual 5: Strategi Daya Tindak Berkaitan Bukan Makanan**

Strategi Daya Tindak	n	(%)
Berjimat menggunakan duit.	76	(95.0)
Merancang perbelanjaan.	76	(95.0)
Menangguhkan bayaran bil-bil.	48	(60.0)
Mengurangkan duit belanja sekolah anak-anak.	43	(53.8)
Menangguhkan bayaran bil-bil sehingga menerima surat amaran atau bekalan dipotong.	42	(52.5)
Meminta bantuan kewangan daripada saudara-mara atau kawan-kawan	37	(46.2)
Anak-anak tidak bawa duit belanja ke sekolah.	30	(37.5)
Menangguhkan bayaran sewa rumah.	27	(33.8)
Menjual atau menggadai harta (barang kemas).	20	(25.0)
Tidak menghadiri atau memberi hadiah semasa jemputan atau majlis.	16	(20.0)
Membeli pakaian murah atau membeli secara berhutang	13	(16.2)
Membuat kerja-kerja tambahan	12	(15.0)
Membeli barangan yang murah atau berbelanja di tempat yang murah.	12	(15.0)
Membeli pakaian bahru untuk anak-anak sahaja dan tidak untuk ibu.	10	(12.5)

Seramai 60.0% responden terpaksa menangguhkan bayaran bil demi memenuhi keperluan asas yang lain. Seramai 53.8% responden berpendapat ada kalanya, mereka terpaksa bertindak mengurangkan duit belanja sekolah anak-anak, terutamanya pada hujung bulan ekoran mengalami masalah kewangan. Sementara, 52.5% responden turut menangguhkan bayaran bil-bil hingga menerima surat amaran atau bekalan dipotong daripada pembekal

tenaga seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Perbadanan Bekalan Air (PBA).

Seramai 46.2% responden memohon bantuan kewangan daripada saudaramara atau kawan-kawan bagi mengurangkan beban masalah kewangan yang dialami, manakala sebanyak 37.5% anak-anak responden tidak membawa duit belanja ke sekolah kerana terlibat dalam Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah. Strategi daya tindak lain yang diamalkan ialah menanggukkan pembayaran sewa rumah (33.8%), menjual atau menggadai harta yang dimiliki seperti barang kemas bagi mendapatkan wang (25.0%), tidak hadir atau memberi hadiah semasa jempunan atau majlis perkahwinan (20.0%), membeli pakaian secara berhutang dengan peniaga yang biasanya berlaku apabila menjelang musim perayaan (16.2%), membeli pakaian yang murah (15.2%) dan membeli pakaian baharu untuk anak-anak tanpa membeli untuk diri responden sendiri (10.0%).

## Kesimpulan

Tiada jaminan kedapatan makanan isi rumah dalam kajian ini adalah sangat serius. Secara keseluruhannya, kesemua responden mengalami masalah tiada jaminan kedapatan makanan pada pelbagai tahap sama ada tiada jaminan makanan isi rumah, individu atau kebuluran dalam kalangan kanak-kanak. Peratusan tiada jaminan kedapatan makanan adalah tinggi di tahap kebuluran dalam kalangan kanak-kanak (*child hunger*). Tahap ini merupakan tahap yang paling serius dan perlu diambil perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak. Pendapatan isi rumah yang rendah (miskin dan miskin tegar) di samping peningkatan harga barangan, khususnya makanan merupakan penyumbang utama masalah ini berlaku. Dua jenis strategi daya tindak yang dilaksanakan oleh responden telah digunakan untuk menghalang (*prevent*) atau melambatkan (*delay*) berlakunya masalah tiada jaminan kedapatan makanan. Walau bagaimanapun strategi daya tindak khususnya berkaitan dengan makanan adalah boleh menyumbang kepada masalah malnutrisi (kelebihan atau kekurangan nutrien) dan impak negatif terhadap pemakanan dan kesihatan dalam kalangan isi rumah.

Diharapkan agar Pusat Zakat dapat mengkaji semula jumlah bantuan kewangan dan barangan makanan yang diberikan kepada penerima selaras dengan kenaikan harga makanan di pasaran masa kini. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan sosioekonomi isi rumah penerima bantuan daripada Pusat Zakat perlu dipergiatkan lagi seperti memberikan kemudahan mikro kredit untuk modal permulaan perniagaan. Kemudahan seperti ini dapat membantu penerima bantuan Pusat Zakat keluar daripada masalah-masalah kemiskinan dan tiada jaminan kedapatan makanan yang begitu serius.

## Bibliografi

Action Against Hunger (2008). Effect of food prices on household food security and malnutrition. Summary of Report.

Campbell, C.C. (1991). Food Insecurity: A nutritional outcome or a predictor variable? *Journal of Nutrition*, 408-415.

Donald, R. (1999). Economic determinants and dietary consequences of food insecurity in the united states. *Journal of Nutrition*, 129, 517S–520S.

Edward, A. F., Nusrat, C., Eva-Charlotte, E., & Ruchira, T. N. (2003). Understanding the experience of household food insecurity in rural bangladesh leads to a measure different from that used in other countries. *Journal of Nutrition*, 133, 4158-4162.

Elizabeth, J. A., Laurence, G-S., & Gilberto, C. (2003). Food insecurity is associated with increased risk of obesity in California women. *Journal of Nutrition*, 133, 1070 –1074.

Food Policy Research Institute (2008). Global food insecurity and prices increases. Food Policy Research Insititute.

Hilary, K., Barbara, A., & Margot, B. (2010). Food insecurity is associated with chronic disease among low-income nhanes participants. *Journal of Nutrition*, 140, 304–310.

International Food Policy Research (2008). Dimuat turun pada September 3, 2010 daripada [webwww.usaid.gov/our\\_work/humanitarian\\_assistance/foodcrisis](http://webwww.usaid.gov/our_work/humanitarian_assistance/foodcrisis).

Jabatan Perangkaan Malaysia (2006). Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2004/05. Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2009. Dimuat turun daripada <http://www.statistic.gov.my>.

Janice, E. S., Patrick, H. C., Kitty, L. S., Jeffrey, M. G., James, M. R., Pippa, M. S., Carol, C., & Margaret, L. B. (2004). Household food insecurity is associated with adult health status. *Journal of Nutrition*, 134, 2330-2331.

Katherine, A., Christine, M. O., & Edward, A. F. (2001). Low family income and food insufficiency in relation to overweight in US Children is there a paradox?. *Arch Pediatr Adolesc Med*, 155(10), 1161-1167.

- Kirang, K., dan Edward, A. F. (2007). participation in food assistance programs modifies the relation of food insecurity with weight and depression in elders. *Journal of Nutrition*, 137, 1005-1010.
- Masoumeh, M. K. (2007). Food security and health and nutritional status of indian women from oil palm plantations in Negeri Sembilan, Malaysia. Universiti Putra Malaysia, Selangor. Faculty Medicine and Health Sciences, 1-25.
- Mardiharini, M. (2005). Family-Coping strategies in maintaining welfare during the economic crisis in Indonesia: A case studying rural and urban areas in Bogor, West Java, Indonesia. *Journal Agro Economy*, 23 (1), 53–70.
- Mohamad, H. A., Suzana, S., Noor Ibrahim, M. S., & Norshafarina, S. (2010). Relationship between appetite, food intake and body composition among elderly Malays from an urban residential area in Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Nutrition*, 16(3), 339–348.
- Norhasmah, S., Zalilah, M. S., Mirnalini, K., Mohd Nasir, M. T., & Asnarulkhadi, A. S. (2008). Coping strategies of food insecurity among low income household. *Malaysian Journal of Consumer*, 11, 1-13.
- Norhasmah, S., Zalilah, M. S., Mirnalini, K., Mohd Nasir, M. T., & Asnarulkhadi, A. S. (2009). Factors contributing to household food insecurity. *Malaysian Journal of Consumer*, 12, 55-64.
- Norhasmah, S., Zalilah, M. S., Mirnalini, K., Mohd Nasir, M. T., & Asnarulkhadi, A. S. (2010). A qualitative study on coping strategies among women from food insecurity households in Selangor and Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Nutrition*, 16(1), 39–54.
- Radimer L. K., Christine M. O., & Cathy, C. C. (1990). Development of indicators to assess hunger. *Journal of Nutrition*, 120, 1544-1548.
- Rusinah, S., (2008). Hidup tertekan kesan kenaikan harga barang. Dimuat turun pada Julai 10, 2010 daripada <http://eakhbar.penerangan.gov.my/eakhbar/berita/cetakberita .php?idk=138924>.
- Tarasuk V. S. (2001). Household food insecurity with hunger is associated with women's food intakes, health and household circumstances. *Journal of Nutrition*, 131, 2670-2676.
- Unit Perancang Ekonomi, ( 2007). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Di muat turun pada Ogos 15, 2010 daripada

[http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN\\_GARIS\\_KEMISKINAN2007.pdf](http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN_GARIS_KEMISKINAN2007.pdf)

Zalilah, M. S. & Ang, M. (2001). Assessment of food insecurity among low income households in Kuala Lumpur using the Radimer/Cornell food security instrument- a validation study. *Malaysian Journal of Nutrition*, 7(1&2), 15-32.

Zalilah M. S. & Khor, G. L. (2004). Indicators and nutritional outcomes of household food insecurity among a sample of rural Malaysian women. *Pakistan Journal of Nutrition*, 3 (1), 50-55.